


1.0 PENILAIAN LAMAN WEB RAKAN




Gambar di atas merupakan laman web rakan yang saya nilai. Untuk memenuhi tugas individu bagi subjek EDUP3053 iaitu Teknologi dalam Pengajaran dan Pembelajaran ini, saya telah menilai laman web Zayana Sofia Binti Zakaria. Laman web beliau adalah tentang subjek Sains tahun 2. Untuk melaksanakan penilaian tersebut, saya telah membuat instrumen penilaian senarai semak bagi mengesahkan tugas ini (sila rujuk lampiran 1).

Berdasarkan kepada instrumen yang telah dibuat, terdapat beberapa kelebihan dan kelemahan dalam laman web beliau. Antara kelebihan yang ada pada web beliau adalah penggunaan warna yang jelas di mana setiap pengunjung yang datang ke web beliau tidak akan pening dengan warna-warni yang ada pada web beliau. Penggunaan warna yang selaras dapat menampakkan lagi kematangan seseorang individu berbanding dengan penggunaan warna yang pelbagai jenis dan boleh mengganggu pengunjung. Selain itu, laman web beliau juga banyak dengan informasi-informasi yang boleh membantu orang lain untuk mendapatkan maklumat. Walau bagaimanapun, terdapat juga kelemahan yang ada pada laman web beliau.

Antara kelemahan yang telah saya kenalpasti adalah susunan menu utama yang kurang memuaskan di mana susunannya tidak mengikut urutan yang betul dan formal. Pada pendapat saya, sepatutnya menu biodata guru perlu berada di bahagian


hadapan ataupun dijadikan sebagai menu utama kerana setiap laman web perlu diperkenalkan diri dahulu. Bagi menampakkan lagi kelemahan tersebut, di bawah saya telah sertakannya sekali dengan gambar menu yang terdapat dalam laman web tersebut.



Berdasarkan kepada gambar di atas juga, kelemahan yang telah saya kenalpasti adalah penggunaan font yang tidak sesuai di mana font yang digunakan tidak jelas. Sepatutnya, untuk menyampaikan sesuatu info kepada seseorang, pemilihan font perlu diteliti dengan memilih font yang boleh menyenangkan hati pembaca apabila membacanya. Hal ini demikian kerana font juga akan mempengaruhi tarikan daripada orang ramai untuk membacanya. Di samping itu juga, pemilihan saiz font juga amatlah perlu dititik beratkan kerana ia juga akan merangsang minat seseorang untuk membaca tambahan lagi bagi pembaca yang sudah tua mahupun rabun. Oleh itu, dalam mencipta laman web yang begitu mantap, kesesuaian penggunaan jenis dan saiz font amat perlu diambil kira walaupun di mata kita ia hanyalah sekecil-kecil kuman sahaja tetapi penuh dengan makna.

Kelemahan yang telah saya kenalpasti juga adalah gabungan beberapa nota yang berlainan tajuk dalam satu laman web serta dalam satu menu. Pada pandangan saya, untuk setiap laman web kita perlu mencipta satu nota sahaja supaya ia tidak akan mengelirukan orang lain. Apabila beberapa nota telah digabungkan, ia akan menjadikan laman web kita tidak kemas kerana bercampur aduk dengan benda lain dan tiada fokus utama. Oleh itu, semua perkara-perkara tersebut perlu diberi perhatian supaya ramai yang akan tertarik serta mengunjungi laman web kita. Di bawah

menunjukkan gambar menu-menu utama yang bercampur dengan nota-nota yang tidak berkenaan dengan subjek yang dipilih dan susunan menu yang tidak teratur.



2.0 INSTRUMEN YANG DIGUNAKAN

NO.	PERKARA	YA	TIDAK
A	KANDUNGAN WEB		
1	Kandungan lengkap	/	
2	Kandungan jelas	/	
3	Kandungan berkait dengan bahan pengajaran	/	
4	Tidak semua kandungan yang relevan dengan tajuk		/
5	Kandungan yang banyak	/	
B	ELEMEN MULTIMEDIA		
1	Mempunyai pelbagai jenis dan bentuk media	/	
2	Media yang relevan dengan tajuk	/	
3	Media yang kreatif		/
C	ORGANISASI BAHAN		
1	Organisasi tersusun		/
2	Organisasi menarik dan kreatif		/
3	Organisasi yang jelas		/
D	MESRA PENGGUNA		
1	Laman web yang bersifat informatif	/	
2	Menu yang mesra pengguna dan tersusun		/
3	Navigasi yang lancar dan kreatif	/	

Jadual di atas merupakan jadual instrument yang telah saya gunakan untuk menilai laman web rakan sekelas. Tujuan instrument ini dibuat adalah untuk memastikan data yang diperolehi adalah tepat dan sah. Saya memilih instrument

penilaian yang berbentuk senarai semak kerana instrument jenis tersebut amatlah mesra pembaca kerana ia mudah untuk difahami, ditafsirkan serta dinilai. Instrument tersebut telah dirujuk dan diadaptasi daripada Johari Bin Hassan & Juwairiah Binti Arifin bagi Fakulti Pendidikan dalam kajian mereka di Universiti Teknologi Malaysia.

Instrument yang telah dibuat itu mengandungi empat bahagian yang utama di mana bahagian-bahagian tersebut telah dinyatakan di dalam soalan tugas dan ia diperlukan untuk dinilai berdasarkan bahagian-bahagian tersebut. Dalam setiap bahagian pula terdapat beberapa soalan yang direka sendiri. Rekaan soalan yang dibuat juga perlu diambil kira kerana ia perlu relevan dengan kehendak tugas dan berkaitan dengan laman web.

Kesimpulannya, pemilihan instrument juga perlulah dititik beratkan kerana ia akan melancarkan proses kita untuk menilai laman web. Jika tersalah memilih instrument, maka kemungkinan besar objektif kita tidak akan tercapai. Oleh itu, untuk membuat sebarang penilaian, kita perlu tahu dahulu jenis-jenis instrument yang ada dan perlu memilih mengikut kesesuaian yang dikehendaki.

3.0 KELEBIHAN PENGGUNAAN WEB DALAM MENINGKATKAN KUALITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Terdapat dua istilah yang selalu digunakan bagi penggunaan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P) iaitu pembelajaran berasaskan web dan pembelajaran melalui laman web pendidikan. Antara ciri utama web yang tidak terdapat dalam media lain ialah kebolehan menyediakan persekitaran yang membenarkan pelajar berinteraksi dengan guru, pelajar berinteraksi dengan pelajar-pelajar lain atau pelajar berinteraksi dengan persekitaran laman web itu sendiri.

Di Malaysia, kaedah pembelajaran melalui laman web telah mula dibincangkan oleh para penyelidik dalam bidang pendidikan sejak beberapa tahun yang lalu. Contohnya Abtar (1998) telah mencadangkan reka bentuk laman web untuk pembelajaran yang efektif. Jamaludin (1999) telah mencadangkan teori konstruktivisme dan aplikasinya dalam reka bentuk pembelajaran berasaskan web.

Pengajaran berasaskan laman web ini merupakan alternatif atau cara baru pengajaran yang mempunyai banyak potensi untuk menghasilkan pengajaran yang lebih bermakna. Antara kebaikan pengajaran berasaskan laman web ialah penyediaan ciri-ciri hiperteks, hipermedia dan hiperlink dengan laman web lain dari seluruh dunia. Keadaan ini menjadikan penyampaian pengajaran dapat disampaikan dalam bentuk tidak linear. Format hipermedia memudahkan pendekatan berpusatkan pelajar. Pembelajaran seperti ini tentunya dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang aktif dan bermotivasi (Becker & Dwyer, 1994).

Pengajaran berasaskan laman web juga menyediakan kemudahan komunikasi misalnya melalui sesi perbualan (*chat*) dan kemudahan e-mel. Kemudahan seperti ini

dapat menyediakan peluang kepada pengguna untuk berkomunikasi dan bekerjasama merentasi jarak yang jauh terutama ketika cuti sekolah. Komunikasi ini membolehkan interaksi berlaku pada masa sebenar antara pelajar seperti dalam diskusi bilik darjah namun bezanya pelajar dalam suasana Internet menggunakan papan kekunci untuk menaip mesej. Di samping itu, melalui e-mel ia membolehkan interaksi berlaku pada masa dan lokasi berlainan antara dua atau lebih pengguna. Pengguna boleh berkomunikasi pada bila-bila masa sahaja. Kedua-dua jenis komunikasi ini mengembangkan akses maklumat pengguna, sumber, bekerjasama, dan meningkatkan sikap pelajar terhadap aspek kerjasama dan pencapaian.

Laman web juga mendokong dan menggalakkan inkuiri dan eksplorasi, yang biasanya berkaitan dengan pembelajaran pemikiran tahap tinggi (high order thinking skills) (Thuring, Mannemann & Haake, 1995). Pengajaran melalui web menyediakan peluang untuk menghantar maklumat yang bukan sahaja terdiri daripada teks, tetapi juga termasuk grafik, animasi, audio dan video. Semua elemen-elemen interaktif tersebut boleh dikawal oleh pelajar seperti keupayaan berhenti dan main semula dalam rakaman video, audio dan animasi. Pelajar boleh berpindah dari satu bahagian ke bahagian lain dan dari satu media kepada media yang lain melalui hiperlink dan hipermedia. Pengguna dapat mengawal maklumat dan berinteraksi dengan penyampai maklumat. Keadaan ini tentunya berbeza dengan bahan pengajaran bercetak seperti buku.

Laman web lebih mudah untuk dikemaskinikan. Maklumat-maklumat yang terdapat di dalam laman tersebut boleh ditambah dengan maklumat-maklumat terbaru atau menyingkirkan maklumat-maklumat lama yang kurang sesuai. Perubahan tersebut boleh dilakukan dalam masa yang singkat. Sebaliknya buku teks akan digunakan sehingga beberapa tahun dengan kandungan yang sama walaupun

keadaan serta situasi penggunaan sentiasa berubah. Di samping itu, kandungan laman web juga boleh disimpan sebagai arkib untuk rujukan jika diperlukan. Ia amatlah berbeza dengan buku di mana buku bersifat tetap.

Kesimpulannya, berdasarkan kelebihan-kelebihan yang terdapat dalam pembelajaran melalui laman web pendidikan seperti yang telah dibincangkan, diharapkan ia boleh digunakan sebagai alternatif untuk mengatasi masalah pencapaian yang masih rendah serta kurang minat pelajar-pelajar di dalam setiap mata pelajaran di sekolah. Maka, dengan penggunaan web ini secara tidak langsung ia dapat meningkatkan kualiti P&P kerana banyak keistimewaan yang dapat digunakan dalam web tersebut.

4.0 RUJUKAN

Abtar Kaur (1998). Designing Web pages for effective learning. *Dalam Prosiding Konvensyen Persatuan Teknologi Pendidikan Malaysia, Kali ke 11*: Kuala Lumpur: Persatuan Teknologi Pendidikan Malaysia. m.s. 1-9.

Collins, B. (1996). The Internet as an educational innovation: Lessons from experience with computer implementation. *Educational Technology, 36 (6)*, m.s. 21-30.

Johari Bin Hassan(2003). Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia. Retrived from
http://eprints.utm.my/11903/1/Pembinaan_Instrumen_Penilaian_Untuk_Menilai_Perisian_CDRom_Interaktif.pdf